Ruj : UKM KPD.BPA.600-4/3/2
Tarikh : 5 Mei 2020

Semua Pelajar
Program Prasiswazah
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

**PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2019-2020**

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 3 Sesi Akademik 2019-2020 akan **bermula pada 20 Julai 2020**.

Sehubungan dengan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan pelajar seperti berikut:

| BIL | PERKARA |
|---|---|
| 1. | Pendaftaran kursus awal akan bermula 18 hingga 24 Mei 2020 (seminggu) secara atas talian melalui laman web http://www.ukm.my/smpe. Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web PKP sebagai panduan. |
| 2. | Sila rujuk penawaran kursus yang ditawarkan oleh fakulti di laman web http://www.ukm.my/pkp. Sila klik pada menu pendaftaran awal untuk mendaftar kursus. |
| 3. | Pelajar yang berada dalam kategori Lulus Bersyarat (ALB) pada Semester 1 Sesi Akademik 2019-2020 tidak dibenarkan mendaftar pada Semester 3 ini. |

4. Syarat-syarat pendaftaran Semester 3 adalah seperti berikut:

i. Pendaftaran untuk Semester 3 Sesi Akademik 2019-2020 adalah **DIWAJIBKAN** oleh pihak fakulti;

ii. Pelajar dibenarkan mengambil **TIDAK MELEBIHI DUA (2)** kursus sahaja, walau bagaimanapun ia tertakluk kepada fakulti;

iii. Pelajar hanya boleh gugur kursus semasa minggu pendaftaran kursus sahaja **(27 Julai - 2 Ogos 2020)**;

iv. Tarik diri kursus boleh dilakukan sehingga minggu ke-5 perkuliahan iaitu dari **3 - 23 Ogos 2020** dan akan diberikan gred TD;

v. Gred-gred yang diperolehi bagi kursus Semester 3 akan diambilkira dalam Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pada semester berikutnya (Semester 1 Sesi Akademik 2020-2021);

vi. Tempoh pengajian Semester 3 tidak diambilkira bagi menentukan tempoh maksimum yang dibenarkan untuk keperluan ijazah;

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi En Mohd Firdaus Ibrahim di talian 03-8921 3994 atau melalui emel ke mfirdaus@ukm.edu.my.

Sekian, harap maklum.

Yang benar,

**NOOR SUZILAWATI BINTI DESA**
Ketua Bahagian Pengurusan Akademik
b.p. Timbalan Pengarah

s.k. - Penyelaras Program
- Penolong Pendaftar, Unit Pengurusan Program & Rekod Pelajar PKP
- Penolong Bendahari, Bahagian Kewangan PKP
- Pegawai Teknologi Maklumat Kanan, Jabatan Teknologi Maklumat PKP

**CERTIFIED TO ISO 9001:2015** **Cert. No. QMS 01100**

**PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN**
Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-8921 5585 Faks: +603-8925 1391 E-mel: noorsuzilawatidesa@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/pkp

Mengilham Harapan, Mencipta Masa Depan • *Inspiring Futures, Nurturing Possibilities* www.ukm.my